

Muhyiddin: Ibu, Sumber Inspirasi Terbesar Untuk Lakar Kejayaan Bernama
20 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ibunya merupakan inspirasi terbesar untuk beliau melakar kejayaan dalam hidup, di samping isteri yang sering kali memberikannya dorongan.

Timbalan perdana menteri berkata ibunya sering memberi beliau dorongan dan ilham untuk berjaya meskipun hanya belajar di 'sekolah dewasa', sebuah sekolah khas untuk golongan dewasa belajar dan menulis suatu ketika dahulu.

"Ibu saya tidak mendapat peluang untuk pergi ke sekolah yang sewajarnya. Namun sudah tentulah perkara yang paling mengagumkan kami adalah keazaman beliau untuk melihat anaknya bersekolah yang dapat menjadikan kami insan lebih baik.

"Saya rasa saya boleh katakan bahawa antara kepuasan paling besar beliau adalah melihat anaknya menjadi dewasa dan boleh menyumbang kepada masyarakat serta melaksanakan peranan dalam membangunkan negara.

"Jadi, saya ingin mengatakan ibu saya, yang meninggal dunia lama dahulu, menjadi satu daripada sumber inspirasi terbesar saya," katanya semasa sesi soal-jawab pada Sidang Kemuncak Wanita ke-11, ketika ditanya mengenai wanita yang paling banyak memberi ilham kepadanya.

Turut hadir isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim.

Mengenai cadangan daripada hadirin bahawa kerajaan perlu memberi pengecualian cukai kepada keluarga yang membelanjakan wang bagi pendidikan anak mereka, Muhyiddin berkata sebarang cadangan boleh dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang sedang menyediakan Belanjawan 2014.

Mengenai gaji setara bagi lelaki dan wanita, Muhyiddin berkata perkara itu bukan lagi satu isu memandangkan lelaki dan wanita kini memperoleh gaji yang sama.

Bagaimanapun, beliau berkata jika kes seperti itu (gaji tidak setara) berlaku di sektor swasta, aduan perlu dibuat dan siasatan dijalankan bagi memastikan wanita tidak didiskriminasi.

Muhyiddin kemudian menyampaikan anugerah yang julung kali diperkenalkan 'Life At Work' kepada tiga majikan terunggul - CIMB Group, IBM dan Nestle.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971300>